



8 Ogos 2012  
8 August 2012  
P.U. (A) 244

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN  
(PINDAAN) 2012

*SERVICE TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 41 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 [*Akta 151*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2012.

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 [*P.U. (A) 52/1975*] dipinda dalam Jadual Kedua dalam Kumpulan G di bawah tajuk "Perkhidmatan Yang Kena Dibayar Cukai" dengan menggantikan butiran "q." dengan butiran yang berikut:

"q. Penyediaan kereta sewa dan pandu atau kereta sewa dengan atau tanpa pemandu di Semenanjung Malaysia yang dilesenkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 bagi Sabah dan Sarawak tidak termasuk penyediaan kereta sewa dan pandu yang ditakrifkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 yang dikendalikan oleh pengusaha pelancongan yang berdaftar di bawah Akta Industri Pelancongan 1992."

Dibuat 11 Julai 2012

[5 SULIT KE.HT(96)667/01 S.K. 36; Perb.0.9060/18 JLD29(SK.1); PN(PU2)268/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

SERVICE TAX ACT 1975

SERVICE TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 41 of the Service Tax Act 1975 [*Act 151*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Amendment) Regulations 2012**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 31 January 2011.

**Amendment of Second Schedule**

2. The Service Tax Regulations 1975 [*P.U. (A) 52/1975*] are amended in the Second Schedule in Group G under the heading of "Taxable Service", by substituting for item "q." with the following item:

"q. Provision of hire-and-drive car or hire-car services with or without chauffeur in Peninsular Malaysia licensed under the Land Public Transport Act 2010 and the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987 for Sabah and Sarawak excluding provision of hire-and-drive car as defined under the Tourism Vehicles Licensing Act 1999 as operated by tourism operators registered under the Tourism Industry Act 1992."

Made 11 July 2012

[5 SULIT KE.HT(96)667/01 S.K. 36 ; Perb.0.9060/18 JLD29(SK.1); PN(PU2)268/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*